


BAB 3 : KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA

1
m/s
54

Rajah berikut merujuk kepada pakatan yang wujud di Eropah pada akhir abad ke-19.



Apakah kesan daripada pembentukan pakatan tersebut?

- A Permulaan perang dunia
- B Perubahan bahan mentah
- C Peningkatan ekonomi dunia
- D Pembentukan perpaduan sejagat

2
m/s
54

Perang Dunia Pertama tercetus pada tahun 1914. Apakah faktor yang mencetuskan perang tersebut?

- A Pearl Harbour diserang
- B Wilayah Jerman diceroboh
- C Perancis bersekutu dengan Rusia
- D Bakal raja Austria-Hungary dibunuh

3
m/s
58

Jadual berikut menunjukkan ideologi baharu yang menjadi faktor tercetusnya Perang Dunia Kedua di Eropah. Pilih pasangan yang betul

	Fahaman Fasisme	Fahaman Nazisme
A	Percaya kepada nasionalisme melampau	Mengagungkan bangsa Jerman
B	Pemimpin Adolf Hitler	Pemimpin Benito Mussolini
C	Mengetepikan Perjanjian Versailles	Mengutamakan kepentingan negara melebihi kepentingan individu
D	Membina angkatan tentera dan menduduki Rhineland semula	Menguasai Habsyah dan Albania

4
m/s59

Tokoh berikut merupakan pemimpin Jerman yang dituduh mengingkari Perjanjian Versailles 1919.



Apakah bukti tuduhan tersebut?

- A Menakluki wilayah Itali
- B Menyertai Kuasa Bersekutu
- C Memperbesar angkatan tentera
- D Mengamalkan sistem pemerintahan diktator

5 Apakah faktor yang membawa kepada kemenangan Kuasa Bersekutu dalam Perang Dunia Kedua di Eropah?

- I Kerjasama kuasa besar
- II Strategi serangan yang berkesan
- III Menggunakan senjata moden dan hebat
- IV Bantuan ketenteraan dari negara berkecuali
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

6 Jadual berikut menerangkan perluasan kuasa Jepun di kawasan Asia.

Tahun	Peluasan kuasa Jepun
1932	Jepun menguasai Manchuria
1937	Jepun menduduki China
1941	Jepun menduduki Indochina

Apakah tindakan Amerika Syarikat, British dan Belanda untuk menghalang perluasan kuasa tersebut?

- A Melakukan serangan bom atom
- B Mengenakan sekatan ekonomi
- C Membentuk Pakatan Tiga Negara
- D Menandatangani Perjanjian Versailles

7 Mengapakah tentera Jepun melakukan serangan terhadap Pearl Harbour pada Disember 1941?

- A Menamatkan Perang Pasifik
- B Menjayakan Pemulihan Meiji
- C Melaksanakan Order Baharu Asia
- D Melumpuhkan armada laut Amerika Syarikat

8 Mengapakah Jepun menggabungkan Tanah Melayu dan Sumatera di bawah satu pentadbiran pada peringkat awal pengenalan Pemerintahan Tentera Tanah Melayu?

- A Memperluaskan kuasa pemerintahan
- B Membentuk Kawasan Pertahanan Khas
- C Mengurangkan kos perbelanjaan kerajaan
- D Menambah bilangan tentera demi keselamatan pentadbiran

9

m/s78

Gambar berikut menunjukkan individu yang menentang pendudukan tentera Jepun.



Bagaimanakah beliau melakukan penentangan terhadap tentera Jepun?

- A Menjadi mata-mata polis
- B Menyebarkan risalah dan propaganda
- C Menyuarakan pendapat melalui akhbar
- D Mempengaruhi penduduk supaya menentang tentera Jepun

10

m/s84

Maklumat berikut menunjukkan gerakan yang dibentuk oleh orang Melayu semasa penguasaan Bintang Tiga di Tanah Melayu.

Gerakan Fi-Sabilillah

Apakah tujuan pembentukan gerakan tersebut?

- I Mempertahankan hak dan harta
 - II Mempertahankan maruah bangsa
 - III Memelihara takhta dan kedudukan
 - IV Mengelak campur tangan kuasa asing
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV